



Garis Panduan PENGIMPORAN BAHAN KIMIA



Garis Panduan **PENGIMPORAN BAHAN KIMIA**

Disediakan oleh:

*Thematic Working Group 4 (TWG 4): Toxic Chemicals,
Hazardous Substances and Waste
National Environmental Health Action Plan (NEHAP)
Jan 2024*

©Sekretariat NEHAP

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan garis panduan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Sekretariat NEHAP, Sektor Risiko Kesehatan Alam Sekitar, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya, Malaysia

Diterbit oleh:

Sekretariat NEHAP
Sektor Risiko Kesehatan Alam Sekitar
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, E3, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya,
62590, Putrajaya
Tel: 03-8892 4885
Laman Web: <https://nehapmalaysia.moh.gov.my>

MOH/BPKj/EH/SRIKAS/2024-01/05

ISI KANDUNGAN

Prakata	4
Penghargaan	5
1.0 PENGENALAN	8
2.0 TUJUAN	10
3.0 PERANAN AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN PENGIMPORAN BAHAN KIMIA	10
4.0 CARTA ALIR PROSES PENGIMPORAN BAHAN KIMIA	12
5.0 PROSEDUR PENGIMPORAN BAHAN KIMIA	13
6.0 RUJUKAN	22

PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, garis panduan ini berjaya diterbitkan oleh NEHAP Malaysia melalui Kumpulan Kerja Tematik (*Thematic Working Group - TWG*) Kimia Toksik, Bahan Berbahaya dan Sisa Berbahaya. Garis panduan ini diterbitkan adalah bertujuan untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab agensi-agensi yang terlibat dengan pengimportan bahan kimia dan memberi panduan kepada pihak pengimport berkenaan perundangan dan proses yang berkaitan dengan pengimportan bahan kimia ke Malaysia.

Bagi memantapkan lagi tadbir urus pengurusan bahan kimia, garis panduan ini dijadikan rujukan untuk memudahkan pihak pengimport mematuhi prosedur yang ditetapkan dan seterusnya memudahkan pemantauan pergerakan bahan kimia yang dikuatkuasakan di semua agensi yang berkaitan.

Sekretariat NEHAP ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada TWG 4: Kimia Toksik, Bahan Berbahaya dan Sisa Berbahaya yang dipengerusikan oleh Bahagian Bahan Berbahaya, Jabatan Alam Sekitar yang telah menerajui pembangunan garis panduan dan semua pihak secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan input serta pandangan dalam penyediaan garis panduan ini. Semoga garis panduan ini dapat memberi manfaat dalam melindungi alam sekitar serta mengurangkan risiko penyakit yang berpunca daripada pengurusan bahan kimia di Malaysia.

Sekretariat NEHAP Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGHARGAAN

NAMA	AGENSI	JAWATAN TWG4
Ts. Azlan bin Ahmad	JAS Putrajaya	Pengerusi
Cik Nurul Ashikin binti Asari	Sekretariat NEHAP KKM	Pegawai Penyelaras
Encik Mohd Shahrin bin Mansor @ Mudzarap	JAS Putrajaya	Sekretariat
Puan Nur Ain Husna binti Amiruddin	JAS Putrajaya	Sekretariat
Encik Mohd Imanul Faiz bin Ismaroni	JAS Putrajaya	Sekretariat
Dr. Priya Ragunath	Bahagian Kawalan Penyakit, KKM	Ahli
Dr. Thahirahtul Asma' binti Zakaria	Bahagian Kawalan Penyakit, KKM	Ahli
Puan Siti Mariaton binti Abd Moxsin	Program Perkhidmatan Farmasi, KKM	Ahli
Puan Nur Ain Shuhaila binti Shohaimi	Program Perkhidmatan Farmasi, KKM	Ahli
Puan Munira binti Muhammad	Program Perkhidmatan Farmasi, KKM	Ahli
Puan Nursyila Roziana binti Mohd Radzi	Program Perkhidmatan Farmasi, KKM	Ahli
Puan Siti Nurul Fathihah binti Baharudin	Program Perkhidmatan Farmasi, KKM	Ahli
Dr. Rafiza binti Shahaudin	IMR, KKM	Ahli
Puan Thahirah binti Kamarulzaman	JAS Putrajaya	Ahli
Encik Nur Mizhuari bin Abdul Samat	JAS Putrajaya	Ahli
Puan Norsyazwani binti Che Mohamed	JAS Putrajaya	Ahli
Prof. Madya Chm. Dr. Goh Choo Ta	LESTARI, UKM	Ahli
Encik Mohamad Mahathir bin Amir Sultan	LESTARI, UKM	Ahli
Puan Hafizah binti Mohd	Jabatan Pertanian	Ahli
Encik Baharuddin bin Basri	Jabatan Pertanian	Ahli
Encik Mohd Azam bin Tumijan	JKKP	Ahli
Puan Nurul Fatimah Bayah binti Haron	JKKP	Ahli

Sekretariat NEHAP Malaysia bersama TWG Kimia Toksik, Bahan Berbahaya dan Sisa Berbahaya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli di atas sumbangan yang telah diberikan dalam usaha menilai dan menambahbaik dokumen ini.

SINGKATAN

BPF, KKM	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia
IMR	<i>Institute for Medical Research</i>
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
LESTARI, UKM	Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia
NEHAP	<i>National Environmental Health Action Plan</i>

1.0 Pengenalan

1.0 PENGENALAN

Bahan kimia memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, bahan kimia digunakan dalam racun mahkluk perosak, ubat, kosmetik dan ejen pencuci. Walaupun penggunaan bahan kimia memberi manfaat kepada kita, pada masa yang sama, bahan kimia juga berpotensi memberi kesan buruk kepada manusia dan juga alam sekitar. Sehubungan dengan itu, kebanyakan negara, termasuk Malaysia, telah mengawal selia pengimportan bahan kimia untuk memastikan bahan kimia yang diimport memenuhi syarat tertentu demi mengurangkan risiko penggunaan bahan kimia.

Di Malaysia, terdapat beberapa agensi kerajaan yang terlibat dengan pengimportan bahan kimia, di mana permit dan/atau lesen tertentu perlu diperolehi daripada agensi-agensi ini sebelum bahan kimia boleh diimport ke Malaysia. Walaupun agensi-agensi ini telah menyediakan garis panduan untuk memudahkan proses pengimportan bahan kimia di bawah punca kuasa masing-masing, namun satu garis panduan komprehensif, yang merangkumi peranan dan tanggungjawab semua agensi yang berkaitan dengan pengimportan bahan kimia belum dibangunkan. Pembangunan garis panduan yang komprehensif ini adalah penting untuk memantapkan tadbir urus bahan kimia (*chemical governance*) di Malaysia, memudahkan pihak pengimport merujuk tatacara pengimportan bahan kimia dalam satu dokumen dan ia juga selaras dengan strategi A3 – *Implementing Environmentally Sound Management of Chemical and Hazardous Substances* di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

Sehubungan dengan itu, *Thematic Working Group 4* (TWG 4): Kimia Toksik, Bahan Berbahaya dan Sisa Berbahaya di bawah *National Environmental Health Action Plan* (NEHAP) Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menyediakan garis panduan ini untuk mewujudkan proses yang komprehensif untuk pengimportan bahan kimia; dan pada masa yang sama, memudahkan pihak pengimport, khususnya pihak swasta untuk mematuhi perundangan dan proses yang berkaitan dengan pengimportan bahan kimia ke Malaysia.

2.0 Tujuan

3.0 Peranan Agensi Yang Terlibat Dengan Pengimportan Bahan Kimia

2.0 TUJUAN

- 1) Menerangkan peranan dan tanggungjawab agensi-agensi yang terlibat dengan pengimportan bahan kimia ke Malaysia; dan
- 2) Memudahkan pengimport mematuhi perundangan dan proses yang berkaitan dengan pengimportan bahan kimia ke Malaysia.

3.0 PERANAN AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN PENGIMPORAN BAHAN KIMIA

Di Malaysia, agensi-agensi yang terlibat dalam kawalan pengimportan bahan kimia ke Malaysia termasuk:

- 1) Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
- 2) Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPF, KKM).
- 3) Pihak Berkuasa Konvensyen Senjata Kimia, Kementerian Luar Negeri Malaysia.
- 4) Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.
- 5) Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia.
- 6) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia (hanya untuk bahan kimia dengan kuantiti 1 tan metrik atau lebih (setiap tahun) di mana penghantaran maklumat adalah selepas bahan kimia tersebut telah diimport).


Untuk memudahkan proses pengimportan bahan kimia ke Malaysia, satu carta alir telah dibangunkan dalam garis panduan ini, di mana carta alir ini menerangkan proses yang terlibat untuk pengimportan bahan kimia ke Malaysia (Rajah 1). Prosedur pengimportan bahan kimia di bawah agensi-agensi yang terlibat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

4.0 Carta Alir Proses Pengimportan Bahan Kimia

5.0 Prosedur Pengimportan Bahan Kimia

4.0 CARTA ALIR PROSES PENGIMPORTAN BAHAN KIMIA KE MALAYSIA

Rajah 1 di bawah menerangkan proses yang terlibat untuk pengimportan bahan kimia ke Malaysia.



Rajah 1: Carta Alir Proses Pengimportan Bahan Kimia ke Malaysia

5.0 PROSEDUR PENGIMPORAN BAHAN KIMIA

Jadual 1 di bawah menunjukkan penerangan terperinci bagi prosedur yang perlu dipatuhi oleh pihak pengimport bahan kimia mengikut punca kuasa di bawah agensi yang berkaitan.

Jadual 1: Prosedur Pengimportan Bahan Kimia di Bawah Agensi-Agensi yang Terlibat

BIL.	AGENSI	KOMITMEN ANTARABANGSA BERKAITAN	JENIS BAHAN KAWALAN	JENIS KAWALAN	SYARAT PERMOHONAN	JENIS KELULUSAN	PIAGAM PELANGGAN
1.	Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian Malaysia	Konvensyen Rotterdam, Protokol Montreal	Racun Perosak yang tersenarai di dalam Jadual 1, Akta Racun Makhluk Perosak 1974	Larangan Bersyarat	Produk yang hendak diimport perlu didaftar/diluluskan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak.	Permit import	5 hari bekerja
Permohonan daftar baru / semula racun mahluk perosak: http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/443							
2	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPF, KKIM)		Bahan kimia yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta Racun 1952.	Larangan Bersyarat	a. Permohonan adalah secara dalam talian melalui sistem My.Pharma-C. b. Syarat, kriteria dan cara permohonan boleh merujuk kepada Panduan Permohonan Lesen Jenis A/ B/ E. c. Jenis Lesen: - Lesen Jenis A: dikeluarkan kepada ahli farmasi berdaftar untuk mengimport, menyimpan, dan berurusan dengan semua jenis racun secara borong dan runcit atau borong sahaja atau runcit sahaja.	Lesen Jenis A/ B/ E di bawah Akta Racun 1952 Tempoh sah lesen adalah untuk satu tahun kalendar, berakhir 31 Disember tahun semasa.	Dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

BIL.	AGENSI	KOMITMEN ANTARABANGSA BERKAITAN	JENIS BAHAN KAWALAN	JENIS KAWALAN	SYARAT PERMOHONAN	JENIS KELULUSAN	PIAGAM PELANGGAN
					<p>- Lesen Jenis B: dikeluarkan kepada individu yang berkelayakan (fit and proper) atau kepada pegawai yang bertanggungjawab di dalam sesebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 untuk mengimport, menyimpan dan menjual secara borong racun (bukan racun kumpulan A) sebagaimana yang ditetapkan di dalam lesen.</p> <p>- Lesen Jenis E: dikeluarkan kepada individu yang mana di dalam urusan perniagaannya menggunakan Natrium Hidroksida dalam kuantiti yang difikirkan munasabah oleh Pegawai Pelesenan untuk mengimport, menyimpan dan mengguna Natrium Hidroksida tersebut.</p>		

BIL.	AGENSI	KOMITMEN ANTARABANGSA BERKAITAN	JENIS BAHAN KAWALAN	JENIS KAWALAN	SYARAT PERMOHONAN	JENIS KELULUSAN	PIAGAM PELANGGAN
		<p>Single Convention on Narcotic Drugs 1961</p> <p>Convention On Pyschotropic Substances 1971</p>	<p>Dadah Berbahaya di bawah Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952</p> <p>Bahan Psikotropik di bawah Jadual Ketiga Akta Racun 1952</p> <p>List of Narcotic Drugs under International Control (Yellow List)</p> <p>List of Psychototropic Substances under International Control (Green List)</p>	Larangan Bersyarat	<p>a. Permohonan adalah secara manual dan boleh dihantar ke Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM secara pos atau serahan tangan.</p> <p>b. Syarat, kriteria dan cara permohonan boleh merujuk kepada Panduan Permohonan Kebenaran Import/ Eksport Dadah Berbahaya dan Bahan Psikotropik</p> <p>c. Syarat utama pemohon mestilah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ahli farmasi yang mempunyai Lesen Jenis A (Borong atau Borong dan Runcit). 	<p>Kebenaran Import Dadah Berbahaya atau Bahan Psikotropik</p> <p>Tempoh sah laku Kebenaran Import Dadah Berbahaya atau Bahan Psikotropik adalah 6 bulan atau sehingga 31 Disember tahun semasa.</p> <p>Kebenaran yang diluluskan hanya sah untuk kegunaan satu kali sahaja (per konsainan)</p> <p>Kebenaran Import yang telah diendos tidak boleh digunakan semula (untuk pengimportan kali kedua).</p>	<p>Dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.</p>

BIL.	AGENSI	KOMITMEN ANTARABANGSA BERKAITAN	JENIS BAHAN KAWALAN	JENIS KAWALAN	SYARAT PERMOHONAN	JENIS KELULUSAN	PIAGAM PELANGGAN
		<p><i>United Nations Convention against Illicit Traffic in Narcotics Drugs and Psychotropic Substances 1988 (1988 Convention)</i></p> <p><i>Minamata Convention on Mercury.</i></p>	<p>Prekursor dan bahan terkawal lain di bawah Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 yang memerlukan Permit Import yang Diluluskan Oleh BPF, KKM.</p> <p>List of Substances under International Control (Red List)</p> <p>Senarai penuh bahan yang dikawal adalah di Lampiran (Jadual 1: Senarai Item Kawalan) di https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-umum-permohonan-epermi-import-ekspor-dikeluarkan-bpf-kkm.html</p>	Larangan Bersyarat	<p>a. Permohonan adalah secara dalam talian melalui sistem DagangNet ePermit. Pengimport perlu berdaftar dengan sistem ePermit.</p> <p>b. Syarat dan cara permohonan boleh merujuk kepada Panduan Umum Permohonan ePermit Import Dan Eksport Yang Dikeluarkan Oleh BPF, KKM.</p> <p>c. Pengimport perlu mempunyai Lesen Jenis A/ B di bawah Akta Racun 1952 bagi bahan terkawal yang dikategorikan sebagai racun di bawah Jadual Pertama Akta Racun 1952.</p>	<p>ePermit Import</p> <p>Tempoh sah ePermit Import yang telah diluluskan adalah 3 bulan dari tarikh efektif.</p> <p>Setiap ePermit import hanya dikeluarkan untuk satu konsainan bagi satu pengimportan sahaja. Sekiranya pengimportan tidak dibuat sepenuhnya, ePermit yang baharu perlu dipohon bagi mengimport baki yang belum selesai diimport.</p>	Dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
					<p>Permohonan Lesen Jenis A/ B/ E di bawah Akta Racun 1952:</p> <p>Panduan : https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/panduan-permohonan-lesen-jenis-b-e-permit-natrium-hidroksida-bahan-psikotropik.html</p> <p>Pengguna dan permohonan : https://pharmacy.moh.gov.my/</p> <p>Panduan Permohonan Kebenaran Import Dadah Berbahaya dan Bahan Psikotropik: https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/panduan-permohonan-kebenaran-import-ekspor-bahan-psikotropik-dadah-berbahaya.html</p> <p>Panduan Permohonan ePermit Import Dan Eksport Yang Dikeluarkan Oleh BPF, KKM: https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/panduan-umum-permohonan-epermi-import-ekspor-dikeluarkan-bpf-kkm.html</p> <p>Permohonan : https://newepermit.dagangnet.com.my</p> <p>Maklumat Tambahan: Senarai Kod Tarif yang dikawal oleh Bahagian Penguatkuasaan Farnasi, KKM - https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/garis panduan-pengimportan-barang-barang-kawalan-bahagian-perkhidmatan-farmasi-melalui-pintu-masuk.html Senarai Item Kawalan - https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-umum-permohonan-epermi-import-ekspor-dikeluarkan-bpf-kkm.html</p>		

BIL.	AGENSI	KOMITMEN ANTARABANGSA BERKAITAN	JENIS BAHAN KAWALAN	JENIS KAWALAN	SYARAT PERMOHONAN	JENIS KELULUSAN	PIAGAM PELANGGAN
3.	Pihak Berkuasa Kebangsaan Konvensyen Senjata Kimia, Kementerian Luar Negeri	Konvensyen Senjata Kimia	Bahan Kimia Jadual 1 di dalam Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 (Akta 641)	Larangan Bersyarat - Aktiviti bagi Tujuan yang Tidak Dilarang dan Larangan Mutlak	<p>Larangan bersyarat</p> <p>a. Permohonan secara notis bertulis atau bentuk yang ditetapkan kepada PBKKS bagi kebenaran; b. Kuantiti yang dipohon adalah dalam amaun ambang tahunan yang ditetapkan; c. Dokumen sokongan dan maklumat tambahan yang ditetapkan; d. Menghantar perisytiharan tahunan kuantiti amaun ambang bagi aktiviti dalam tahun kalendar terdahulu dan aktiviti dijangkakan tahun kalendar yang berikut dalam bentuk yang ditetapkan</p> <p>Larangan Mutlak</p> <p>a. Pemindahan semula ke suatu Negara Ketiga</p> <p>b. Pemindahan semula ke mana-mana Negara Bukan Pihak kepada Konvensyen</p>	<p>Larangan Bersyarat</p> <p>- Kebenaran melalui Notis Bertulis di bawah Seksyen 23 dan 24 Akta 641</p> <p>Larangan Mutlak</p> <p>- Seksyen 27 Akta 641</p>	21 hari bekerja

BIL.	AGENSI	KOMITMEN ANTARABANGSA BERKAITAN	JENIS BAHAN KAWALAN	JENIS KAWALAN	SYARAT PERMOHONAN	JENIS KELULUSAN	PIAGAM PELANGGAN
			Bahan Kimia Jadual 2 di dalam Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 (Akta 641)	Larangan Bersyarat - Aktiviti bagi Tujuan yang Tidak Dilarang dan Larangan Mutlak	Larangan bersyarat a. Permohonan dalam bentuk yang ditetapkan kepada PBKKS bagi pengesahan; b. Dokumen sokongan dan maklumat tambahan yang ditetapkan; c. Menghantar perisytiharan tahunan kuantiti amaun ambang bagi aktiviti dalam tahun kalendar terdahulu dan aktiviti dijangkakan tahun kalendar yang berikut dalam bentuk yang ditetapkan (pengeluaran) d. Larangan Mutlak Import atau Eksport ke mana-mana Negara Bukan Pihak kepada Konvensyen.	Larangan Bersyarat - Kebezeran melalui Surat Pengesahan Bahan Kimia (dokumen sokongan bagi permohonan ePermit kepada MITI) Larangan Mutlak – Seksyen 32 Akta 641	7 hari bekerja
			Bahan Kimia Jadual 3 di dalam Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 (Akta 641)	Larangan Bersyarat - Aktiviti bagi Tujuan yang Tidak Dilarang (Kawalan Pentadbiran)	Larangan bersyarat a. Permohonan dalam bentuk yang ditetapkan kepada PBKKS bagi pengesahan; b. Dokumen sokongan dan maklumat tambahan yang ditetapkan; c. Menghantar perisytiharan tahunan kuantiti amaun ambang bagi aktiviti dalam tahun kalendar terdahulu dan aktiviti dijangkakan tahun kalendar yang berikut dalam bentuk yang ditetapkan (pengeluaran)	Larangan Bersyarat - Kebezeran melalui Surat Pengesahan Bahan Kimia (dokumen sokongan bagi permohonan ePermit kepada MITI)	7 hari bekerja

BIL.	AGENSI	KOMITMEN ANTARABANGSA BERKAITAN	JENIS BAHAN KAWALAN	JENIS KAWALAN	SYARAT PERMOHONAN	JENIS KELULUSAN	PIAGAM PELANGGAN
		<p>Laman Pihak Berkuasa Kebangsaan Konvensyen Senjata Kimia, Kementerian Luar Negeri https://www.kln.gov.my/cwc/</p> <p>Panduan Pengesahan Import dan Eksport KSK (NACWC-SSPBK-1) secara manual: https://www.kln.gov.my/cwc/index.php?option=com_content&view=article&id=74&Itemid=104</p> <p>End User Declaration (NACWC-SSPBK-2): https://www.kln.gov.my/cwc/index.php?option=com_content&view=article&id=75&Itemid=105</p> <p>Permohonan : https://newepermit.dagangnet.com.my</p>					
4.	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	<p>Protokol Montreal</p> <p>Protokol Montreal</p>	<p>Halon & Klorofluorokarbon (CFC)</p> <p>Hidroklorofluorokarbon (HCFC) & Hidrofluorokarbon (HFC)</p>	Larangan Mutlak Larangan Bersyarat	<p>a. Syarikat pengimport perlu berdaftar dengan JAS;</p> <p>b. Permohonan melalui sistem ePermit;</p> <p>c. Kuantiti yang dipohon adalah dalam had kuota tahunan yang ditetapkan;</p> <p>d. Dokumen sokongan yang diperlukan merangkumi; invoice, 'purchase order' (PO), 'bill of lading', dokumen kelulusan negara pengeksport.</p> <p>e. Syarikat pengimport perlu mengemukakan deklarasi stok setiap 6 bulan.</p>	Permit import/ eksport	5 hari bekerja

BIL.	AGENSI	KOMITMEN ANTARABANGSA BERKAITAN	JENIS BAHAN KAWALAN	JENIS KAWALAN	SYARAT PERMOHONAN	JENIS KELULUSAN	PIAGAM PELANGGAN
		Konvensyen Basel	Buangan Terjadual (BT)	Larangan Bersyarat	a. Permohonan dikemukakan melalui Borang AS14 (Import) atau AS15A (Eksport). b. Bagi permohonan eksport, persetujuan (consent) dari negara pengimport dan semua negara transit perlu diperolehi.	Kelulusan Bertulis Di bawah Seksyen 34B	21 hari bekerja
		Rotterdam Convention atau Bahan Kimia PIC (Prior informed consent) yang dikawalselia di bawah EU/UK	Bahan Berbahaya	Tertakluk kepada Peraturan PIC di bawah ECHA (Regulation (EU) 649/2012)			
		Kawalan import dan eksport hydrofluorocarbon (HFC): https://www.doe.gov.my/2021/07/05/kawalan-import-dan-eksport-hydrofluorocarbon-hfc/					
5.	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 Larangan Import: http://www.customs.gov.my/ms/cp/Pages/cp_li.aspx					
6.	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	JKKP tidak terlibat dalam import/eksport bahan kimia. Namun begitu, industri yang mengimport bahan kimia dengan kuantiti 1 tan metrik atau lebih setahun perlu memasukkan maklumat inventori bahan kimia tersebut ke dalam Sistem Pengurusan Maklumat Kimia (CIMS). https://cims.dosh.gov.my/					

6.0 Rujukan

6.0 RUJUKAN

- i. Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- ii. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- iii. Akta Racun Makhluk Perosak (ARMP) 1974
- iv. Akta Racun 1952
- v. Akta Dadah Berbahaya 1952
- vi. Akta Konvensyen Senjata Kimia 2004
- vii. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023
- viii. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2023

